

127

NO. SOALAN: 53

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perundangan yang  
memberi kuasa kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia  
(JAKIM) untuk memeriksa jantina seseorang beragama Islam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan Islam  
sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang berikut :

*“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain  
boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana  
bahagian Persekutuan. ”*

Bertepatan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan tersebut, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan sentiasa menggunakan pelbagai medium dan pendekatan bagi menyebarkan dakwah dan menyantuni masyarakat Islam, seterusnya menjadi pemudahcara dalam menyelesaikan isu-isu semasa masyarakat termasuk berkaitan kecelaruan jantungina.

Dalam masa yang sama, JAKIM sentiasa mengadakan jalinan kerjasama yang baik dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dalam penyelarasan penguatkuasaan undang-undang Islam yang sedia ada bagi memastikan pelaksanaan undang-undang berkenaan berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.